



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO SERI SETIA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA ASIA TENGGARA
KALI KE-5 TAHUN 2011**

**HARI KHAMIS MALAM JUMAAT,
09 ZULKAEDAH 1432 / 06 OKTOBER 2011
JAM 8.30 MALAM
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS**

BISMILLAHIR RAHMANNIR RAHIM
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu ala Asyrafil
Mursalin Saidina Muhamaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in

ASSALAMU 'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKAATUH

Alhamdulillah, segala puji ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, selawat serta salam buat Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, kaum keluarga, para sahabat serta pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Mengadap Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan penuh hormat dan takzim, hamba Kebawah Duli Tuan Patik merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Kali Ke-5 pada malam ini, dan seterusnya berkenan untuk mengurniakan titah, menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada peserta musabaqah dan kepada hakim-hakim yang telah menghakimi musabaqah pada tahun ini.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik di majlis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Kali Ke-5 Tahun 2011 ini mencerminkan keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik terhadap isu perkembangan belia di negara ini khususnya dibidang keugamaan yang setentunya akan menjadi satu kenangan manis terutama sekali kepada para belia yang bukan sahaja di Negara ini malah juga belia dari negara-negara lain.

Ampun Beribu Ampun,

Seramai 13 orang belia menyertai musabaqah pada tahun ini terdiri daripada negara-negara Indonesia, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand, dan Negara Brunei Darussalam. Bertepatan dengan matlamat musabaqah ini diadakan iaitu untuk memupuk dan menyemai rasa persahabatan dan persaudaraan serta kerjasama belia Asia Tenggara.

Adalah diharapkan musabaqah kali ini akan dijadikan sebagai landasan kepada belia-belie di rantau ini untuk mengambil peluang ke arah meningkatkan lagi jaringan kerjasama ke arah perpaduan dan kedamaian. Di samping untuk memperlihatkan kepada dunia luar serta memperingatkan kepada masyarakat umum khususnya para belia bahawa Islam melalui aktiviti-aktiviti seumpama ini dapat merapatkan lagi persaudaraan tidak

mengira bangsa dan agama, saling berkasih sayang ke arah meningkatkan perpaduan dan keamanan.

Ampun Beribu Ampun,

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik jua menyembah maklumkan, bahawa pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ada menyediakan program dan aktiviti bagi peserta qari dan qariah semasa berada di negara ini untuk mengenali dengan lebih dekat lagi akan Negara Brunei Darussalam, disamping untuk para qari dan qariah dapat bertukar-tukar pandangan terhadap isu-isu semasa yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

Akhirnya, hamba Kebawah Duli Tuan Patik, dengan penuh hormat menjunjung perkenan bagi menyembahkan menjunjung kasih di atas keberangkatan Paduka Adinda dan Paduka-Paduka Anakda Kebawah Duli Tuan Patik:

1. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah;
2. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah;

3. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik; dan

Hamba Kebawah Duli Tuan patik juga menjunjung perkenan bagi menyembahkan menjunjung kasih diatas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria dan mengucapkan terima kasih diatas kehadiran :

1. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet;
2. Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri;
3. Tuan-Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dan Duta Besar Ke Negara Brunei Darussalam;
4. Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Negara;
5. Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha-Setiausaha Tetap;
6. Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan; dan
7. Para Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha.